



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

POLITEKNIK
MALAYSIA
SULTAN ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH

LAPORAN KAJIAN



Vol 01, 2022

CENTRE OF TOWN AND REGIONAL PLANNING

LAPORAN CADANGAN PEMBANGUNAN LUBUK PEDATI, MUKIM PULAI, DAERAH BALING, KEDAH

'AZZATUNISA BINTI AHMAD ZUBIR
SARINA BINTI ELIAS

LAPORAN CADANGAN PEMBANGUNAN RANCANGAN KAWASAN KHAS LUBUK PEDATI, MUKIM PULAI, DAERAH BALING, KEDAH

eISSN 2976-2464 Vol.01

© Hak cipta Centre of Town and Regional Planning, Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah 2022. Semua hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, gambar dan isi kandungan laporan ini dalam apa jua bentuk dan apa juga cara sama ada elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Centre of Town and Regional Planning, Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah. Laporan Cadangan Pembangunan Pusat Bandar Jitra.

Diterbitkan oleh:

Centre of Town and Regional Planning (CToP)
Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah
Bandar Darulaman, 06000 Jitra
Kedah Darul Aman
MALAYSIA

No. Telefon : +604 - 914 6100

No. Faksimili : +604 - 917 4232

Laman Web : www.polimas.edu.my

OKTOBER 2022



SIDANG REDAKSI

Penasihat

HJH FAEZAH BINTI YAHYA

Ketua Perunding

'AZZATUNISA BINTI AHMAD ZUBIR

Perunding Bersama

SARINA BINTI ELIAS

Pembantu Perunding

MUHAMMAD NAUFAL BIN MUHAMMAD YUSRI

MOHAMMAD YUZAIRY BIN YAHAYA

MUHAMMAD FARHAN BIN MOHD KAMARUZAMAN

NURFATIHAH NABILAH BINTI MANSOR

MOONTHA A/P THA WIN

NUR YASMIN HANNANI BINTI ZAM AZMAN

NURUL SA'ADAH BINTI SAZALI

PUTRI BALQIS BINTI MUHAMMAD NIZAM

NURAMYLLIA SYUHADAH BINTI MOHD AZAM

SITI NUWAIRAI BINTI ABDUL TALIB

NUR SYARAFANA WAZINI BINTI IZANI

PRAKATA

Assalamualaikum W.B.T dan Salam Sejahtera

Bersyukur ke hadrat ilahi dengan limpah keizinan dan kurniaNya dapat juga
pasukan kami menyiapkan Laporan Centre Of Town & Regional Planning

**(Laporan Cadangan Pembangunan Kawasan Lubuk Pedati, Mukim Pulai, Daerah
Baling, Kedah.)**

Pasukan kami ingin merakamkan setinggi penghargaan kepada Majlis Daerah
Baling, PLAN Malaysia Negeri Kedah, Penghulu kampung Mukim Pulai dan JKKK
Kampung yang terlibat serta agensi – agensi kerajaan lain sama ada secara
langsung atau tidak langsung di dalam melaksanakan kajian ini. Semua pihak
tersebut, kajian & komuniti ini tidak akan menjadi sama seperti yang disediakan
di sini.

SEKIAN, TERIMA KASIH

ISI KANDUNGAN

PENGENALAN

- Profail Kawasan Kajian . . . 1
- Morfologi Kawasan . . . 2
- Kajian
- Perspektif Makro . . . 3-5
- Dasar – Dasar . . . 6
- Aksesibiliti Kawasan . . . 7
- Kajian
- Pelan Kunci . . . 8
- Pelan Lokasi . . . 8
- Pelan Tapak . . . 8
- Analisis Tapak
- Zon Guna Tanah Semasa . . . 9

CADANGAN PEMBANGUNAN

- Cadangan Infrastruktur • 19- 22
Dan Pengangkutan
- Cadangan Sungai Dan • 22-26
Pengairan
- Cadangan Pelancongan 27 - 30

PELAN TINDAKAN PEMBANGUNAN

- Pelan Induk Rkk Lubuk Pedati . . . 14
2023 - 2037
- Pelan Fasa 1 : 2023 – 2027 . . . 15
- Pelan Fasa 2 : 2028 – 2032 . . . 16
- Pelan Fasa 3 : 2032 – 2037 . . . 17



KONSEP DAN STRATEGI PEMBANGUNAN

- Analisis Swot . . . 12
- Hala Tuju . . . 13

SENARAI RAJAH



PENGENALAN

- PELAN KUNCI • 1
- PELAN LOKASI • 1
- BLOK PERANCANGAN TEMPATAN • 1
- MENARA JAM BALING • 2
- KONTEKS WILAYAH • 3
- PELAN ZON KONTEKS WILAYAH • 4
- PELAN GUNTANAH • 9

PELAN TINDAKAN PEMBANGUNAN

- PELAN INDUK RKK LUBUK PEDATI 2023 - 2037 • 14
- PELAN FASA 1 : 2023 – 2027 • 15
- PELAN FASA 2 : 2028 – 2032 • 16
- PELAN FASA 3 : 2032 – 2037 • 17

CADANGAN PEMBANGUNAN


- CADANGAN JALAN KELUAR MASUK
- CADANGAN LALUAN BERBASIKAL/PEJALAN KAKI
- CADANGAN LANDSKAP
- CADANGAN PINTU GERBANG
- CADANGAN PENDALAMAN DAN PELEBARAN SUNGAI

CADANGAN PEMBANGUNAN

- CADANGAN RUMAH PAM
- CADANGAN SIREN BANJIR
- CADANGAN TEBATAN BANJIR
- CADANGAN PERANGKAP SAMPAH
- CADANGAN PENAMBAHAN LANDMARK BALING, LUBUK PEDATI
- CADANGAN AKTIVITI KAYAK
- CADANGAN TEMPAT LETAK KENDERAAN
- CADANGAN TANDAS AWAM
- CADANGAN DATARAN
- CADANGAN PERLETAKKAN ATV
- CADANGAN SURAU
- CADANGAN TANDAS
- CADANGAN KAWASAN GLAMPING
- CADANGAN TAMAN AWAM
- CADANGAN JAMBATAN
- CADANGAN TAMAN PERMAINAN MINI
- CADANGAN KAFE RIMBA
- CADANGAN PUSAT AGRO
- CADANGAN PUBLICA CAFÉ
- CADANGAN MINI FARM



LUBUK PEDATI




01 PENGENALAN

- Profail Kawasan Kajian
- Morfologi Kawasan Kajian
- Perspektif Makro
- Dasar – Dasar
- Aksesibiliti Kawasan Kajian
- Zon Guna Tanah Semasa
- Pelan Kunci
- Pelan Lokasi
- Pelan Tapak
- Analisis Tapak




1.0 PROFAIL KAWASAN KAJIAN



KE KAWASAN KAJIAN LUBUK PEDATI

KAWASAN KAJIAN SELUAS
480.00
E K A R

Di dalam Kawasan kajian, iaitu Lubuk Pedati merangkumi keluasan **480 ekar** dengan majoriti **guna tanah pertanian** yang berluasan **169.83 ekar**.



Daerah Baling juga merangkumi keluasan seluas **152,900 hektar** yang terdiri daripada 8 mukim iaitu Mukim Siong, Mukim Bongor, Mukim Baling, **Mukim Pulai**, Mukim Kupang, Mukim Telo Kanan, Mukim Tawar, Mukim Bakai.

BALING

berasal daripada peristiwa Raja Bersiung seperti yang tercatat dalam **Hikayat Merong Mahawangsa**.

RAJA BERSIUNG

Raja Ong Maha Perita Deria atau lebih dikenali sebagai Raja Bersiung, ianya merupakan **raja keempat daripada keturunan Merong Maha Wangsa** yang gemar memakan **sayur bayam dengan kuah darah manusia**. Kelakuan baginda ini dibenci oleh rakyat dan menyebabkan baginda melarikan diri dari istananya yang berpusat di Lembah Bujang.

Daerah Baling ini juga merupakan daerah yang **meliputi Kawasan tanah pamah kedua terbesar** di Negeri Kedah dengan keluasan **1,530 km persegi**. Walau bagaimanapun, di dalam daerah Baling ini juga terdapat beberapa lokasi yang menjadi tarikan pengunjung iaitu pulau - pulau bersejarah iaitu **Galeri Putri** dan juga **Hutan Lipur**

Ancaman Komunis 1948-1960


Setelah Undang-undang darurat telah dikuatkuasa, pihak komunis terus bergerak di negeri Kedah. Pelbagai bentuk kegiatan kejahatan dan keganasan dilakukan oleh komunis. Antaranya, **komunis melakukan serangan ke atas orang awam dan pasukan keselamatan serta balai polis, Pada 28 ogos 1959**, 90 peratus daripada komunis akhirnya telah dapat di tumpaskan oleh pihak kerajaan dan pergerakkan komunis akhirnya dapat dilemahkan oleh pihak kerajaan

Baling English School

Rundingan di Baling English School

Berakhirnya zaman darurat iaitu ancaman komunis **pada 31 Julai 1960**. Hal ini berlaku selepas usaha gigih oleh pihak kerajaan dan keselamatan yang berhasil membawa komunis untuk **menggunakan perjanjian dan pendamaian**

Rajah 1.4
MENARA JAM BALING



- Bandar Tempatan yang memberikan perkhidmatan perniagaan dan pentadbiran kepada Kawasan yang lebih kecil.
- Saiz populasi adalah antara 10,000 hingga 100,000 orang penduduk.
- Bandar pentadbiran daerah yang mempunyai penduduk kurang 10,000 orang

**Bandar Utama
(Baling)**

**Bandar
Negeri
(Sungai Petani)**


**Bandar
Tempatan
(Pulai)**

INFO HIERARKI

1.2.1 PERSPEKTIF MAKRO

Bandar Baling sebagai Pusat Separa Wilayah yang berfungsi **menawarkan pelbagai peluang ekonomi dan perkhidmatan** bukan sahaja kepada penduduk di Daerah Baling tetapi juga penduduk Daerah Sik dan Hulu Perak.

PETUNJUK:
Zon Pertanian
Zon Sensitif Alam Sekitar
Zon Pelancongan
Zon Institusi
Zon Perindustrian
Koridor Pembangunan
PUSAT PETEMPATAN
Pusat Separa Wilayah
Pusat Petempatan Utama
Pusat Petempatan Kecil
Pusat Pertumbuhan Desa
Arah Pembangunan
LAIN-LAIN
Jalan Raya
Cadangan Jalan Raya
Cadangan Lebuhraya
Lebuhraya Timur - Barat
KAWASAN PELANCONGAN
1 - Taman Rekreasi Air Panas 2 - Rangkaian Gua-gua 3 - Kawasan Rehat & Rawat Gunung Inas 4 - Galeri Putra 5 - Lata Bayu 6 - Lata Iboi 7 - Lata Bukit Hijau 8 - Lata Gunung Bintang 9 - Rekreasi Arus Deras Ulu Sedim 10 - Homestay & Aktiviti Berkayak 11 - Petempatan Orang Asli 12 - Lata Goding 13 - Taman Ago / Perhutanan Botani




BALING, KEDAH



- Pusat Pentadbiran Daerah
- Pusat Transit/ Perkhidmatan Pelancongan
- Agensi Kerajaan
- Institusi
- Perkhidmatan
- Bank, Insurans

1.2.3 PERSPEKTIF MAKRO

SUMBER : [HTTPS://WWW.NCER.COM.MY/ABOUT-NCER/NCER-STATES/KEDAH](https://www.ncer.com.my/about-ncer/ncer-states/kedah)



Z12 BALING PENGKALAN HULU BETONG

- **Gunung Pulai Eko-pelancongan**
- **Warisan pelancongan**
- **Perlombongan lestari**
- **Kensui orang asli komuniti & program warisan**
- **Perniagaan tani**
- **Matlamat pembangunan khas**
 - **Komuniti berdasarkan pelancongan**
 - **kotek industri**

NCER NEGERI
KEDAH

Z12 – BALING – PENGKALAN HULU – BETONG BORDER ZON

Usaha untuk Kedah akan disalurkan ke arah membangunkan ekonomi sempadan.

Ekopelancongan, Pelancongan Warisan, Geo-pelancongan, Pertanian Moden dan Industri Ternakan.

Industri aeroangkasa yang baru dikenal pasti untuk negeri ini, mempunyai potensi besar untuk pembangunan.

selaras dengan visi Kedah untuk sebuah negeri yang maju dan berdaya huni, seperti yang terkandung dalam Pelan Pembangunan Strategik Kedah 2035.



1

2

3

4

05

1 KSAS Seperti hutan simpan kekal, hutan tadahan air dan badan air, kawasan kepelbagaian biologi dan tapak warisan geologi landskap hendaklah **dikekalkan dan dipulihara.**

DU 10

2 Mempertingkatkan tahap kemudahan infrastruktur dan utiliti selaras dengan keperluan penduduk pembangunan ekonomi dan perkembangan teknologi.

DU 13

DASAR-DASAR UTAMA RANCANGAN NEGERI


DASAR-DASAR KHUSUS PERLANCONGAN

Sumber : Rancangan Struktur Negeri Kedah 2035

1 DS11-1 Memantap dan mempertingkatkan industri pelancongan sebagai penggerak utama ekonomi Negeri Kedah.

2 DS11-2 Menaik taraf prasarana pelancongan dari aspek aksesibiliti dan kemudahan sokongan pelancongan.

3 DS11-3 Mempelbagaikan sumber-sumber pelancongan baru bagi menambahkan daya tarikan di Tanah Besar Kedah.



Tapak cadangan berhampiran dengan stesen pengangkutan awam KTM dan Lapangan Terbang, maka tapak cadangan dilihat **mempunyai potensi yang baik untuk dibangunkan dengan pembangunan**, Ini juga adalah bagi **membuka peluang pekerjaan** kepada penduduk setempat dan sekitarnya.





1.6 ANALISIS TAPAK

BIL.	JENIS GUNATANAH	LUAS (EKAR)	PERATUS (%)
1.	Pertanian	169.81	35.26
2.	Perumahan	117.05	24.39
3.	Badan Air	57.29	11.94
4.	Institusi dan Kemudahan Masyarakat	28.26	5.89
5.	Komersial	22.12	4.61
6.	Tanah Lapang dan Rekreasi	12.29	2.56
7.	Tanah Kosong	11.23	2.34
8.	Infrastruktur dan Utiliti	7.31	1.52
9.	Pengangkutan dan Jalan	4.525	11.30
10.	Industri	2.04	0.43


Jumlah keluasan Kawasan kajian Lubuk Pedati

480 EKAR




Gunatanah semasa yang minor ialah
PERINDUSTRIAN

Gunatanah semasa yang mJOR ialah
PERTANIAN



LUBUK PEDATI



02 KONSEP DAN STRATEGI PEMBANGUNAN

- Analisis Swot
- Hala Tuju



2.1 ANALISIS SWOT

KEKUATAN

- **Gunung Baling** yang menjadi mercu tanda di kawasan kajian Lubuk Pedati .
- Tapak kajian berada di kawasan kaki gunung yang memiliki **pemandangan** yang baik dan dapat dibangunkan pembangunan untuk menjadikannya sebagai **pusat pelancongan**.
- Alam semuladi yang **realistik**
- **Keindahan sungai ketil** menjadi aset tumpuan pelancong



SWOT

ANCAMAN

- **Aktiviti kuari** yang mendarangkan pencemaran udara dan gegaran semasa letupan dijalankan akan mengancam kesejahteraan penduduk .
- **Banjir** yang kerap berlaku di Lubuk Pedati akan menjejaskan pertanian, penternakan serta penduduk setempat.
- **Hakisan tanah** daripada gunung menyebabkan sungai menjadi keruh yang berpunca daripada hujan

PELUANG

- Mempunyai kawasan dan **pemandangan yang cantik** yang dapat menarik minat pengunjung.

Aktiviti perniagaan akan meningkatkan ekonomi serta membuka banyak **peluang pekerjaan** kepada penduduk setempat.

Hasil pendapatan ekonomi Lubuk Pedati Eko Pelancongan dapat **diperluaskan** di daerah Baling



KELEMAHAN

- **Jalan tidak berturap** akan memberi kesan buruk kepada penduduk.
- **Kesesakan** di tapak pasar pagi di Pekan Baling.
- **Sistem kumbahan** dilepaskan terus ke sungai
- **Nama jalan/papan tanda** yang tidak jelas
- **Aktiviti pelancongan** tidak menonjol
- **Rupa sungai yang keruh** pada musim hujan

HALA TUJU PEMBANGUNAN

Sektor pelancongan yang **menjadi pemangkin ekonomi** di daerah baling

HALA TUJU 3

2033-2037



Mewujudkan dan menaik taraf **pelancongan** di lubuk pedati, Baling

2023-2027

HALA TUJU 1




2028-2032

HALA TUJU 2


Lubuk pedati sebagai **ikon pelancongan warisan** mengekalkan imej semula jadi dan meningkatkan kualiti

LUBUK PEDATI



03 PELAN TINDAKAN PEMBANGUNAN

- Pelan Induk Rkk Lubuk Pedati 2023 - 2037
- Pelan Fasa 1 : 2023 – 2027
- Pelan Fasa 2 : 2028 – 2032
- Pelan Fasa 3 : 2032 – 2037



PELAN INDUK RKK

LUBUK PEDATTI 2023 - 2037

15 Tahun

CADANGAN PEMBAHARUAN INFRASTRUKTUR ①

- jalan keluar masuk
- Laluan Berbasikal/pejalan kaki
- Landskap
- Pintu Gerbang

CADANGAN PEMELIHARAAN DAN PEMULIHARAAN SUNGAI ②

- Keluasan : 2.48 ekar
- Pendalaman dan pelebaran sungai
- Rumah Pam
- Siren Banjir
- Tebatan Banjir
- Perangkap Sampah

CADANGAN TOURIST RELAX ③

- Keluasan : 1.37 ekar
- Kawasan Glamping

CADANGAN KEMUDAHAN AWAM ④

- Keluasan : 1.02 ekar
- Tempat letak kendaraan berpusat
- Tandas Awam
- Taman Awam
- Jambatan

KE WENG

KE PANGKALAN HULU

CADANGAN KOMERSIAL ⑦

- Keluasan : 4.22 ekar
- Publica Café
- Mini Farm
- Tri-Shaw

CADANGAN SELF OF WELCOME ⑥

- Keluasan : 0.59 ekar
- Penambahan Landmark Baling
- Penambahan Landmark Lubuk Pedati

CADANGAN REKREASI, KOMERSIAL DAN KEMUDAHAN AWAM ⑤

- Keluasan : 4.77 ekar
- Dataran
- ATV
- Surau
- Tandas
- Taman permainan mini
- Kafe Rimba
- Pusat Agro

KE SUNGAI PETANI



SKALA
1: 12,000

STRATEGI PEMBANGUNAN

FASA 1
2023 - 2027

5 Tahun

PROJEK 1

PROJEK 1A INFRASTRUKTUR DAN PENGANGKUTAN


- CADANGAN JALAN KELUAR MASUK
- CADANGAN LALUAN BERBASIKAL/PEJALAN KAKI
- CADANGAN LANDSKAP
- CADANGAN PINTU GERBANG

PROJEK 1B PENGAIARAN DAN SALIRAN

- CADANGAN PENDALAMAN DAN PELEBARAN SUNGAI
- CADANGAN RUMAH PAM
- CADANGAN SIREN BANJIR
- CADANGAN TEBATAN BANJIR
- CADANGAN PERANGKAP SAMPAH

PROJEK 1C PELANCONGAN

- CADANGAN PENAMBAHAN LANDMARK BALING, LUBUK PEDATI
- CADANGAN AKTIVITI KAYAK



PERSEKITARAN YANG BERSIH DAN CANTIK

STRATEGI PEMBANGUNAN | FASA 2

2028 - 2032

PROJEK 2

PROJEK 2A INFRASTRUKTUR DAN PENGANGKUTAN

- CADANGAN TEMPAT LETAK KENDERAAN
- CADANGAN TANDAS AWAM


PROJEK 2B PENGAIRAN DAN SALIRAN

- CADANGAN DATARAN
- CADANGAN PERLETAKAN ATV
- CADANGAN SURAU
- CADANGAN TANDAS

PROJEK 2C PELANCONGAN

- CADANGAN KAWASAN GLAMPING

5 tahun



MENJADIKAN LUBUK PEDATI SEBAGAI PUSAT PELANCONGAN YANG HIDUP DAN AKTIF

STRATEGI PEMBANGUNAN

FASA 3

2033 - 2037

PROJEK 3

PROJEK 3A INFRASTRUKTUR DAN PENGANGKUTAN

- CADANGAN TAMAN AWAM
- CADANGAN JAMBATAN


PROJEK 3B PENGAIRAN DAN SALIRAN

- CADANGAN TAMAN PERMAINAN MINI
- CADANGAN KAFE RIMBA
- CADANGAN PUSAT AGRO

PROJEK 3C PELANCONGAN


- CADANGAN PUBLICA CAFÉ
- CADANGAN MINI FARM

5 Tahun



PEMBANGUNAN PELANCONGAN YANG PRODUKTIF

LUBUK PEDATI



04 CADANGAN PEMBANGUNAN

- Cadangan Infrastruktur Dan Pengangkutan
- Cadangan Sungai Dan Pengairan
- Cadangan Pelancongan



CADANGAN PEMBAHARUAN INFRASTRUKTUR

BAGI:

- LALUAN KELUAR MASUK
- LALUAN BERBASIKAL / PEJALAN KAKI

LOKASI PROJEK



FASA PEMBANGUNAN

FASA 1
5 TAHUN

FASA 2
5 TAHUN

FASA 3
5 TAHUN

LALUAN KELUAR MASUK



Dalam memastikan pemilihan jalan keluar-masuk tersebut adalah tepat, terdapat beberapa faktor yang diambil kira untuk dijadikan kepada penentuan jalan keluar-masuk. Ia terbahagi kepada dua bahagian iaitu, Kawasan Tumpuan Orang Ramai dan Kawasan Cadangan Pembangunan Baharu.

LALUAN BERBASIKAL / PEJALAN KAKI

SEMASA



SELEPAS



Cadangan laluan pejalan kaki ini berdasarkan daripada pemerhatian yang telah dijalankan dan didapati bahawa laluan disepanjang persisiran sungai ini tidak mempunyai jalan pejalan kaki dan berbasikal untuk memudahkan perjalanan pengunjung. Jalan yang tidak diselenggara yang menyebabkan jalan berlopak dan juga tidak mengikut piawaian juga akan menjelaskan keselamatan pengguna.

4.1.1 INFRASTRUKTUR DAN PENGANGKUTAN

CADANGAN PEMBAHARUAN INFRASTRUKTUR

BAGI:

- LANDSKAP
- PINTU GERBANG

LOKASI PROJEK



FASA PEMBANGUNAN

FASA 1
5 TAHUN

FASA 2
5 TAHUN

FASA 3
5 TAHUN



LANDSKAP

Penyediaan landskap seperti penggunaan tanaman pagaran dan penggunaan pokok tanjong 'mimusops elengi' adalah disebabkan ianya bersesuaian agar dapat meningkatkan lagi imej kawasan kajian. Jarak yang dicadangkan bagi penanaman landskap lembut ini adalah 10meter dari jarak pokok tanjong ke pokok tanjong yang lain

PINTU GERBANG


Cadangan pintu gerbang dicadangkan disebabkan oleh imej kawasan yang tidak menyerlah dan kawasan kajian ini tidak mempunyai sebarang papan tanda atau memasuki ke dalam satu kawasan yang menarik. Ia dicadangkan di jalan utama memasuki kawasan Lubuk Pedati.

CADANGAN KEMUDAHAN AWAM

BAGI:

- TEMPAT LETAK KENDERAAN
- TANDAS AWAM

LOKASI PROJEK



FASA PEMBANGUNAN

FASA 1
5 TAHUN

FASA 2
5 TAHUN

FASA 3
5 TAHUN

TEMPAT LETAK

KENDERAAN BERPUSAT

ini dicadangkan berkeluasan 1 ekar dan dapat menampung kenderaan sekitar 60 biji. Tapak cadangan pembangunan baharu ini berada diatas Sebahagian lot 3 & 4, lot 5 dan sebahagian lot 11. Cadangan ini dicadangkan disebabkan untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas. Selain itu, ia juga bagi memastikan pengunjung dapat meletak kenderaan dengan mudah.



TANDAS AWAM

ini dicadangkan berkeluasan 0.05 ekar dan menyediakan sekitar 10 unit bilik air. Tapak cadangan pembangunan baharu ini berada diatas sebahagian lot 5 & 6. Ia dicadangkan untuk memastikan pengunjung selesa, selain itu ia juga dapat digunakan untuk menukar pakaian

4.1.3 INFRASTRUKTUR DAN PENGANGKUTAN

CADANGAN KEMUDAHAN AWAM

BAGI:

- TAMAN AWAM
- JAMBATAN

LOKASI PROJEK



FASA PEMBANGUNAN

FASA 1
5 TAHUN

FASA 2
5 TAHUN

FASA 3
5 TAHUN




TAMAN AWAM

ini dicadangkan berkeluasan 03 ekar dan berada diatas Lot 7 – 10 dan Lot 31. Cadangan taman awam dicadangkan disebabkan untuk meningkatkan kepuasan pengunjung yang datang untuk beriadah di kawasan tersebut dan dapat menikmati taman awam tersebut lebih moden di kawasan luar bandar.

JAMBATAN

ini telah dijalankan dan didapati bahawa sebelum ini tiada ada jambatan untuk menyeberangi sungai. Oleh itu, cadangan jambatan ini dicadangkankan berfungsi menyeberangi sungai sama ada dengan berjalan kaki atau berbasikal dan juga dapat mengakses ke kawasan pembangunan cadangan baru di seberang sungai.



CADANGAN PEMELIHARAAN DAN PEMULIHARAAN SUNGAI

BAGI:

- PENDALAMAN DAN PELEBARAN SUNGAI
- RUMAH PAM


LOKASI PROJEK



FASA PEMBANGUNAN

FASA 1
5 TAHUNFASA 2
5 TAHUNFASA 3
5 TAHUN

PENDALAMAN DAN PELEBARAN SUNGAI



Seterusnya, cadangan ini perlu disegerakan bagi mengelakkan banjir. Hal ini kerana, banjir yang kerap berlaku ini meninggalkan kesan kepada penduduk yang tinggal berdekatan dengan Sungai Ketil ini. Contoh kesannya ialah kerosakan harta benda, jalan, keindahan semulajadi dan lain-lain lagi. Di samping itu, cadangan ini juga meninggalkan kesan jangka pendek contohnya air sungai tercemar akibat dari aktiviti pendalaman dan pelebaran ini.



Rumah pam adalah untuk mengawal banjir yang sering berlaku di kawasan perumahan dan perindustrian di kawasan Lubuk Pedati ini.

Fungsi rumah pam ini adalah bertujuan untuk memastikan air pembuangan dari longkang dan parit dapat mengalir ke sungai dengan lancar dan sempurna. Saiz rumah pam yang dicadangkan ini adalah 5m x 5m iaitu mempunyai keluasan yang disediakan 0.5 ekar

4.2.1 SUNGAI DAN PENGAIKAN

CADANGAN PEMELIHARAAN DAN PEMULIHARAAN SUNGAI

BAGI:

- SIREN BANJIR
- TEBATAN BANJIR
- PERANGKAP SAMPAH

LOKASI PROJEK




FASA PEMBANGUNAN

FASA 1
5 TAHUN

FASA 2
5 TAHUN


FASA 3
5 TAHUN

SIREN BANJIR




Siren banjir ini berupaya memberi amaran awal banjir kepada penduduk setempat secara automatik. Siren banjir ini dilengkapi dengan teknologi terkini dan dapat diantau kejadian banjir secara 'real time monitoring'. Keupayaan bunyi siren ini boleh menjangkau 1 hingga 2 km radius.

TEBATAN BANJIR



Tebatan banjir ini merupakan satu langkah bagi mengurangkan jumlah atau isipadu air bahagian hulu sebelum sampai ke kawasan tapak cadangan. Cadangan ini dicadangkan bagi melindungi kawasan perumahan penduduk daripada banjir dari air limpahan Sungai Ketil ini. Selain itu, ketebalan bagi tebatan banjir ini adalah 0.5 meter dan panjang jarak bagi tebatan ini adalah 535.75 meter.

PERANGKAP SAMPAH



Cadangan ini adalah untuk memerangkap sampah yang mengalir dari arah pekan Baling. Cadangan ini dicadangkan bagi mengawal kebersihan Sungai Ketil daripada tercemar akibat dari sampah sarap yang terdapat di dalam sungai ini.

4.2.3 SUNGAI DAN PENGAIRAN

CADANGAN REAKRASI

BAGI:

- DATARAN
- PERLETTAKAN ATV

LOKASI PROJEK



FASA PEMBANGUNAN

FASA 1
5 TAHUN

FASA 2
5 TAHUN

FASA 3
5 TAHUN



TEMPAT PERLETTAKAN (ATV)

Penyediaan cadangan ini dibuat kerana tiada perletakkan yang tetap untuk ATV ini. Tempat perletakkan yang asal adalah di belakang rumah penduduk sekitar Lubuk Pedati sahaja. Jadi dengan pembaharuan yang dicadangkan dapat menetapkan ATV di tempat yang lebih baik dan selamat. Cadangan saiz tapak adalah 0.60 ekar dan bertapak di lot 2571.

DATARAN

yang dicadangkan ini bertujuan untuk tarikan pelancong untuk mengunjung. Cadangan ini berada di atas lot 2568 dan 2569. Keluasan bagi cadangan dataran ini adalah seluas 2.83 ekar. Dataran yang dicadangkan ini beroperasi selama dua puluh empat jam. Ia juga boleh digunakan untuk semua golongan umur.



4.2.4 SUNGAI DAN PENGAIRAN

CADANGAN REAKRASI

BAGI:

- SURAU
- TANDAS

LOKASI PROJEK



FASA PEMBANGUNAN

FASA 1
5 TAHUN

FASA 2
5 TAHUN

FASA 3
5 TAHUN

SURAU



TANDAS



SURAU

Surau yang dicadangkan ini bertujuan untuk pengunjung beragama Islam mengerjakan ibadah. Cadangan ini berada di atas lot 6482. Keluasan lot bagi 6482 adalah seluas 2.29 ekar. Cadangan ini mengambil sebahagian dari lot 6482. Keluasan bagi cadangan surau ini adalah seluas 0.63 ekar.

TANDAS

Cadangan tandas awam yang berdekatan dataran supaya mudah untuk diakses. Cadangan tandas awam yang dicadangkan ialah sebesar 0.20 ekar dan di letakkan di lot 2569. Kemudahan awam kepada pengunjung. Perletakkan tandas awam ini di letakkan berdekatan dengan sungai supaya mudah digunakan.

4.2.5 SUNGAI DAN PENGAIRAN

CADANGAN REAKRASI

BAGI:

- TAMAN PERMAINAN MINI
- KAFE RIMBA
- PUSAT AGRO

LOKASI PROJEK



FASA PEMBANGUNAN

FASA 1
5 TAHUN

FASA 2
5 TAHUN

FASA 3
5 TAHUN

TAMAN PERMAINAN MINI

di dicadangkan di atas lot 6482 dan keluasan bagi lot ini adalah 2.29. Keluasan bagi taman permainan mini ini adalah 0.30 ekar sahaja yang mempunyai elemen seperti buaian, gelongsur, jongkang-jongkit dan banyak lagi. Taman permainan ini diletakkan bersebelahan dengan Sungai Ketil dan Pusat Agro. Hal ini kerana, taman permainan mini ini menjadi tempat perkumpulan sosial untuk kanak-kanak dari semua peringkat umur.

KAFE RIMBA

dicadangkan bertujuan untuk pelancong yang mengunjung berehat atau membeli makanan. Kafe ini dicadangkan sebagai tarikan pelancong untuk mengunjungi ke kawasan kajian tersebut. Cadangan ini berada di atas lot 6482. Keluasan lot bagi 6482 adalah seluas 2.29 ekar. Cadangan bagi kafe ini mengambil sebahagian lot 6482. Keluasan lot bagi cadangan kafe rimba ini adalah seluas 0.94 ekar.



PUSAT AGRO

ini terletak di atas lot 6482 iaitu berkeluasan 2.29 ekar. Perletakkan pusat agro ini di seberang Sungai Ketil dan cadangan ini dapat membuka peluang pekerjaan kepada penduduk setempat di kawasan Lubuk Pedati ini. Perletakkan cadangan ini di tengah-tengah kawasan kerana ianya memudahkan untuk diakses ke kawasan cadangan yang berada di sekelilingnya.



CADANGAN SELF OF WELCOME

BAGI:

- PENAMBAHAN LANDMARK BALING DAN LUBUK PEDATI

LOKASI PROJEK



FASA PEMBANGUNAN

FASA 1
5 TAHUNFASA 2
5 TAHUNFASA 3
5 TAHUN

PAPAN TANDA

ialah pencapaian yang ditonjolkan dari setiap teras strategik. Papan tanda dikira sama ada dalam bentuk pembangunan fizikal, polisi baharu dan aktiviti yang berpanjangan serta memberi impak kepada pengunjung. Mercu tanda dipilih sama ada daripada objektif, strategi atau perincian strategi bersesuaian. Secara tidak langsung, papan tanda yang dicadangkan juga bakal menjadi kebanggaan pengunjung. Keperluan cadangan papan tanda ini adalah sebagai “sense of welcoming” terutama kepada pengunjung dan pelancong yang datang ke Baling, Kedah.




4.3.1 PELANCONGAN

CADANGAN SELF OF WELCOME

BAGI:

- AKTIVITI KAYAK

LOKASI PROJEK



FASA PEMBANGUNAN

FASA 1
5 TAHUN

FASA 2
5 TAHUN

FASA 3
5 TAHUN



AKTIVITI KAYAK

merupakan aktiviti yang memerlukan seseorang mengemudikannya diatas air dengan menggunakan pendayung secara manual. Aktiviti kayak ini merupakan aktiviti yang menyeronokkan dan mencabar kemampuan serta ketahanan fizikal dan mental seseorang.

Bahan binaan yang digunakan untuk proses pembuatan bot kayak ini adalah Polycarbonate atau gentian kaca. Panjang Sungai Ketil yang dicadangkan untuk aktiviti kayak adalah sepanjang 84.25 meter. Aktiviti kayak ini mempunyai kapasiti yang tersendiri iaitu minimum penumpang adalah 1 orang manakala maksimum pula 2 orang.

4.3.2 SUNGAI DAN PENGAIRAN

CADANGAN TOURIST RELAX

BAGI:

- KAWASAN GLAMPING

LOKASI PROJEK



FASA PEMBANGUNAN

FASA 1
5 TAHUN

FASA 2
5 TAHUN

FASA 3
5 TAHUN

Projek pembangunan yang perlu dilakukan sebelum cadangan glamping tersebut adalah dimulakan dengan penebangan pokok dan meratakan tanah. Seterusnya, pembangunan glamping akan dibangunkan. Reka bentuk kawasan tapak glamping tersebut adalah ringkas dan meringankan permandangan pengunjung. Pembangunan glamping ini diutamakan kerana masyarakat pada masa kini lebih meminati kepada alam semula jadi

12
Glamping

10
Tempat duduk

1
Pentas

1
Kawasan Berkumpul

6
Gazebo




4.3.3 SUNGAI DAN PENGAIRAN

CADANGAN KOMERSIAL

BAGI:

- PUBLICA CAFÉ
- MINI FARM

LOKASI PROJEK



FASA PEMBANGUNAN

FASA 1
5 TAHUN

FASA 2
5 TAHUN

FASA 3
5 TAHUN

Cadangan publica café adalah berada di Pekan Baling bagi meriahkan suasana di kawasan tersebut. Selain itu, tapak Publica Café tersebut mempunyai keluasan tanah seluas 0.330 ekar bersamaan dengan 1 lot tanah. Publica Café ini menawarkan makanan dan minuman yang "hipster" atau seperti makanan-makanan western yang diminati oleh semua lapisan masyarakat.

PUBLICA CAFÉ




Cadangan pembangunan mini farm adalah salah satu keistimewaan di Lubuk Pedati kerana dapat menarik perhatian pengunjung. Tempoh perlaksanaan mini farm adalah di fasa ketiga iaitu selama 5 tahun bermula daripada tahun 2033 sehingga tahun 2037. Selain itu, tapak mini farm tersebut mempunyai keluasan tanah seluas 3.887 ekar bersamaan dengan 1 lot tanah.


MINI FARM




LUBUK PEDATI



05 RUMUSAN





RUMUSAN

Laporan cadangan pembangunan ini dihasilkan selaras dengan tema dan matlamat pembangunan berdasarkan potensi dan cabaran yang telah dikenalpasti pada peringkat analisis kajian. Adalah diharapkan cadangan yang disenaraikan ini dapat membantu agensi-agensi pelaksana dalam menyediakan kertas cadangan permohonan bajet pembangunan yang berjustifikasi. Selain itu, laporan ini juga adalah sebagai nilai tambah dalam dokumen pemajuan sediada iaitu Rancangan Tempatan Daerah Baling. Penyenaraian cadangan dalam laporan ini juga diklasifikasikan sebagai projek-projek yang berdaya mampu untuk dilaksanakan.

